

Penggunaan Aplikasi Kahoot Dalam Meningkatkan Penguasaan Kata Adjektif

Hasnah Bte Hassan

hasnah_hassan@schools.gov.sg

Sekolah Menengah St. Gabriel

Abstrak

Pemahaman dan penggunaan kata adjektif yang betul dalam kalangan pelajar merupakan satu aspek tatabahasa yang perlu dipertingkatkan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan aplikasi perisian *Kahoot* untuk meningkatkan pemerolehan kata adjektif dalam kalangan pelajar. Objektif kajian adalah untuk menggalakkan pelajar mempelajari kata adjektif dengan cara yang berkesan dan menyeronokkan. Kaedah kajian yang digunakan adalah Pengajaran Secara Eksplisit dan Pengajaran Pembezaan. Dapatkan kajian amat memberangsangkan kerana pelajar berminat untuk melibatkan diri secara aktif khususnya dalam penggunaan ICT bagi mempelajari kata adjektif dan hasilnya dapat meningkatkan pembelajaran. Kesimpulan kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi ini dapat meningkatkan motivasi dan pemerolehan kata adjektif pelajar .

Kata Kunci: Aplikasi *Kahoot*, Teknologi Komunikasi dan Maklumat, Kata Adjektif



PENGENALAN

Kajian ini mengkaji sejauh mana aplikasi *Kahoot* dapat memberangsang pembelajaran tatabahasa terutamanya kata adjektif. Para pelajar telah didedahkan kepada penggunaan 9 jenis kata adjektif sejak di sekolah rendah lagi. Penggunaan kata adjektif amat digalakkan khususnya dalam membina penulisan karangan yang baik. Komponen kata adjektif juga turut diserlahkan dalam sukanan pelajaran dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Malangnya, seringkali pelajar tidak sedar akan kepentingan untuk mereka menerapkan penggunaan jenis-jenis kata adjektif ini dalam penulisan mereka.

Keupayaan teknologi boleh mewujudkan kemungkinan untuk pelajar belajar secara kendiri atau bekerjasama antara satu sama lain. Dengan penggunaan ICT, pelajar diharapkan dapat menimba ilmu dengan cara yang menarik dan interaktif sesuai dengan kehendak Kemahiran Abad Ke-21. Justeru, kajian ini akan melihat sejauh mana penerapan teknologi berkeupayaan untuk mengubah cara pelajar belajar dan berupaya memperkasakan pelajar dalam pembelajaran kata adjektif. Dapatkan kajian ini pasti dapat membantu pihak pengkaji untuk mendalami usaha bagi penambahbaikan yang berkaitan dengan PdP kata adjektif untuk membantu merpertingkatkan keupayaan dan kemahiran pelajar.

PERNYATAAN MASALAH

Secara keseluruhannya, pelajar kurang berminat untuk mempertingkatkan pemerolehan kosa kata dalam bahasa Melayu, khususnya dalam aspek pembelajaran kata adjektif. Pelajar juga tidak berupaya mengingat kembali apa yang telah mereka pelajari mengenai kata adjektif di sekolah rendah. Apabila diuji mengenai 9 jenis kata adjektif semasa praujian, didapati pelajar kurang berkeyakinan untuk menjawab soalan guru dan ada juga yang kurang pasti mengenai jenis-jenis kata adjektif yang sepatutnya sudah mempunyai pengetahuan asas mengenai kata adjektif.

Unit bahasa Melayu sedar bahawa penerapan ICT merupakan satu wadah yang dapat membantu untuk merangsang minat dan meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk mengingat dan menggunakan 9 jenis kata adjektif dengan baik. Ibu ini penting kerana penggunaan kata adjektif yang tepat dapat membantu pelajar untuk menggambarkan sesuatu situasi atau perasaan dengan lebih jelas. Tahap modeling dalam pengajaran secara eksplisit juga membuat konsep yang diajar menjadi lebih jelas dan berstruktur. Biarpun PdP

dirancang secara eksplisit, sejauh mana aplikasi *Kahoot* ini dapat membantu pelajar dalam pemerolehan kata adjektif akan diteliti.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. melihat sejauh mana penggunaan aplikasi *Kahoot* dapat merangsang minat pelajar untuk belajar dan mempertingkat pemerolehan kata adjektif; dan
2. melihat keberkesanan penerapan pengajaran secara eksplisit dan Amalan Pengajaran Singapura (STP) dalam mempertingkatkan keyakinan diri dan pengetahuan pelajar dalam memahiri penggunaan kata adjektif.

KAJIAN LEPAS

Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Rivervale (2012) melalui kajian mereka bertajuk ‘Meningkatkan Penguasaan Penggunaan Kata Adjektif Melalui Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman’ telah menjalankan proses pembelajaran berdasarkan pengalaman dengan mengadaptasikan ‘*Experiential Learning Theory*’ oleh David A Kolb (1984) bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pendekatan ini memerlukan murid melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman yang konkret dan membuat perhatian serta renungan tentang pengalaman tersebut. Kajian ini membentangkan kesan pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam meningkatkan penguasaan menggunakan kata adjektif murid Darjah 3 dan 4.

Siti Farhana Abdullah dan Siti Aisyah Sa’id (2017) dari sekolah Menengah Woodgrove mengkaji penerapan lagu, penggunaan lirik lagu dan strategi pembelajaran secara kolaboratif bagi mencapai salah satu tujuan kajian mereka, iaitu menggunakan kata adjektif yang pelbagai dalam penulisan. Dapatkan kajian menunjukkan penggunaan lirik lagu yang diterapkan dalam PdP dengan cara yang menyeronokkan dan santai telah dapat menjana pemikiran kreatif serta meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar. Penggunaan kata adjektif yang pelbagai dapat dikesan melalui hasil tugasannya terutamanya dalam penulisan karangan deskriptif.

Kajian Tindakan yang dijalankan oleh guru-guru Sekolah Rendah Jurong (2017) telah meneliti keberkesanan strategi drama dalam pembelajaran dan gabungan penggunaan ICT dalam pengajaran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 79.2% murid telah berjaya menjawab soalan-soalan yang diberikan

dalam pascaujian dibandingkan dengan praujian. Murid memahami cara mempraktikkan strategi (SK)² yang diperkenalkan dan lebih terarah dari segi cara menjawab komponen golongan kata. Penggunaan drama dan penerapan ICT merupakan antara wadah yang turut membantu mempertingkatkan penggunaan dan mengembangkan kosa kata murid khususnya dalam penggunaan kata adjektif.

Kajian-kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan pelbagai cara PdP kata adjektif yang boleh merangsang minat pelajar untuk menggunakan kata adjektif dengan lebih berkesan. Dari itu, kertas kajian ini juga ingin meneroka penggunaan ICT aplikasi *Kahoot* dalam meningkatkan permerolehan kata adjektif dalam kalangan pelajar.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan berdasarkan pemerhatian pengkaji. Pengkaji ingin mengetahui keberkesanan aplikasi *Kahoot* dalam pengajaran sebagai pengenalan dan pelaksanaan pengajaran untuk pelajar menengah 1 Ekspres menggunakan kesemua 9 jenis kata adjektif dengan betul. Penerapan Amalan Pengajaran Singapura (STP) juga diterapkan bagi membantu pengkaji melakarkan PdP yang lebih tersusun dan berstruktur. Antara elemen STP bagi pelaksanaan pelajaran, penilaian dan maklum balas yang telah dipilih diterangkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 17: Memberikan penerangan yang jelas	<p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menerangkan tentang penggunaan kata adjektif dalam ayat contohan dan penggunaannya dalam binaan kata, frasa dan ayat melalui slaid. 2. mengimbas kembali 9 jenis kata adjektif berdasarkan senarai kata yang dipelajari. 3. menunjukkan cara menjalani aktiviti dengan menggunakan aplikasi <i>Kahoot</i>: Perbincangan, melihat gambar dan meneliti soalan yang diberikan. 4. menerangkan cara bagi membina ayat dengan 8 lagi jenis kata adjektif yang disenaraikan sendiri. 5. menggalakkan pelajar mencuba menyenaraikan lagi 8 jenis kata adjektif bersama-sama dengan bantuan guru. 6. membantu pelajar yang kurang memahami dan menggalakkan partisipasi pelajar. 7. menerangkan semula cara sekiranya ada pelajar yang masih belum memahami penerangan guru.
	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Guru memperkenalkan penggunaan perisian <i>Kahoot</i> bagi melengkapkan tugas. Pelajar digalakkan bekerjasama dengan pasangan mereka bagi penghasilan cerita menggunakan kata adjektif menggunakan perisian <i>Kahoot</i> . Aktiviti ini dapat menggalakkan pelajar bekerjasama, berinteraksi dan belajar melalui penyertaan aktif.



Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Pelajar digalakkan menggunakan perisian Kahoot bagi melengkapkan tugas dan kemudian berkongsi hasil kerja bersama rakan untuk disemak. Rakan akan memberikan komen membina selepas menyemak hasil kerja teman dan berbincang mengenai hasil kerja mereka.
Penerangan dan Justifikasi	Guru menggunakan aplikasi Kahoot ini untuk merangsang minat pelajar dan membolehkan mereka bekerjasama serta berinteraksi untuk berkongsi penggunaan kesemua 9 jenis kata adjektif. Pengajaran ini berlandaskan AFL dan Pengajaran Pembezaan agar pelajar mampu untuk mengaplikasi atau mempamerkan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku yang ingin dicapai.	

Subjek Kajian

Seramai 11 orang pelajar dari Menengah 1 aliran Ekspres yang terdiri daripada kumpulan pelbagai kemahiran (HP/MP) telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Terdapat 3 orang pelajar yang bukan penutur jati bahasa Melayu. Pelajar sudah terdedah kepada penggunaan 9 jenis adjektif dalam ayat mudah. Pelajar boleh menulis ayat-ayat mudah dan majmuk.

Instrumen Kajian

Perisian Kahoot dengan digunakan oleh guru manakala pelajar menggunakan telefon bimbit untuk mengambil bahagian dalam Kuiz Kahoot, Gambar Perbincangan dan soalan yang mengikutinya dalam 3 saat untuk menyenaraikan 8 lagi jenis kata adjektif. Setelah memilih salah satu kata adjektif dalam Perbincangan Kahoot, templat Senarai Kata Adjektif dan lembaran kerja Bina Ayat serta Borang Refleksi juga merupakan antara instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Prosedur Kajian

Prosedur Kajian ini berdasarkan kerangka pengajaran secara eksplisit bagi mengkaji sejauh mana keberkesanannya perisian Kahoot dalam aktiviti Pengenalan dan dalam Latihan Terbimbing serta Latihan Kendiri. Penyediaan rancangan pelajaran dirancang menggunakan beberapa elemen STP bagi menyusun struktur pengajaran yang lebih berkesan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sebagai rujukan untuk kajian ini, Lembaran Kerja 1 merupakan hasil kerja pelajar bagi Pengenalan dan Lembaran Kerja 2 pula merujuk kepada hasil kerja Latihan Kendiri.

Jadual 2: Dapatan Hasil Kerja Pelajar Bagi Kata Adjektif

Pelajar	Kelas	Lembaran Kerja 1		Lembaran Kerja 2		
		9 kata Adj	9 AYAT	9 kata Adj	Kata Adj	AYAT
1	1Ek1	8	8	8	8	4
3	1Ek1	8	8	9	9	8
4	1Ek2	12	9	9	8	6
5	1Ek2	11	9	9	11	8
6	1Ek2	10	9	9	14	5
7	1Ek2	7	7	5	5	5
8	1Ek4	15	9	8	13	7
9	1Ek4	10	9	9	10	10
10	1Ek4	9	9	5	7	5
11	1Ek4	11	9	8	12	8

Bagi Lembaran Kerja 1, 6 pelajar telah berjaya menepati 9 jenis kata adjektif dan telah menggunakan lebih daripada 9 kata adjektif dalam binaan ayat mereka. Ini menunjukkan bahawa pelajar ini mampu untuk membina ayat dengan penggunaan kata adjektif yang betul.

Untuk Lembaran Kerja 2 pula, disebabkan Kriteria Sukses mereka mengikut kemampuan mereka, pelajar telah menjawab berdasarkan kemampuan mereka. Boleh dikatakan bahawa mereka telah mencapai kejayaan dan ini akan mendorong mereka supaya meningkatkan matlamat pencapaian mereka pada masa hadapan. Bagi senaraikan 9 kata adjektif berdasarkan gambar, 2 orang pelajar menyenaraikan hanya 5 kata adjektif. Namun begitu, dengan hanya 4 atau 5 ayat, mereka mampu menggunakan lebih daripada 5 jenis kata adjektif. Pengkaji percaya bahawa pelajar ini mampu untuk menggunakan 9 jenis kata adjektif ini biarpun mereka takut untuk mempertingkatkan keupayaan mereka dengan menggunakan 9 jenis kata adjektif.

KESIMPULAN

Bersetujuan dengan tajuk kertas kajian ini, iaitu Penggunaan Aplikasi *Kahoot* dalam meningkatkan pemerolehan aata adjektif, bolehlah dirumuskan bahawa aplikasi *Kahoot* telah berjaya meningkatkan pemerolehan pelajar mengenai 9 jenis kata adjektif. Biarpun pelajar ini dihambat dengan Kriteria Sukses mereka, mereka berani membina ayat dengan lebih daripada 5 jenis kata adjektif. Sebagai kajian lanjutan, pelajar harus digalakkan untuk menggunakan kesemua 9 jenis kata adjektif dalam penulisan agar mereka dapat menghasilkan penulisan yang lebih bermutu dan kreatif.

RUJUKAN

- Amilia Baba dan Sarimah Sainin (2017). Pengajaran Kata Adjektif Melalui Kaedah Drama dan Penerapan ICT dalam Pembelajaran. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna, hlm 359-367. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Mohamad Khair Johari, et. al (2012). Meningkatkan penguasaan penggunaan kata adjektif melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Kecekapan Berbahasa dan Penghayatan Nilai Dalam Pendidikan Abad ke-21, hlm. 130-136. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Nik Safiah Karim [et al]. (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Siti Farhana Abdullah dan Siti Aisyah Sa'id (2017). Muzik Mengalun, Bahasa Bergema: Kata Adjektif dalam Lirik Lagu. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Menyempurnakan Kata, Menyampaikan Makna, hlm 219-227. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.